

1. JAWATAN	: PEGAWAI Mencari dan Menyelamat
KEMENTERIAN/JABATAN	: Jabatan Penerbangan Awam KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.2 [\$2,270 - \$3,760 SEBULAN]
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang Penerbangan Awam / Teknikal / Pengurusan atau bidang yang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara Tingkat I dalam tanggagaji C.4 selama tidak kurang dari 6 tahun atau sebagai Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara Tingkat II dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan Penerbangan Awam / Teknikal / Pengurusan atau bidang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun.
2. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam hal-hal mencari dan menyelamat penerbangan (*Aeronautical*) dan perairan (*Maritime*) serta dalam hal-hal kecemasan penerbangan dan lapangan terbang.




3. Mempunyai pengetahuan kerja atau semua ANNEX ICAO (terutama mencari dan menyelamatkan serta kecemasan penerbangan dan lapangan terbang) dan undang-undang Negara Brunei Darussalam Bab 113, Pelayaran Udara.
4. Pernah mengikuti dan lulus dalam kursus mencari dan menyelamatkan adalah merupakan satu kelebihan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MENCARI DAN MENYELAMAT:

Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara dalam :-

1. Menyediakan dan membuat pindaan kepada Rancangan dan Manual Mencari dan Menyelamat.
2. Merancang dan membuat pindaan kepada Rancangan Kecemasan Penerbangan dan Lapangan Terbang termasuk penculikan pesawat dan ancaman bom.
3. Merancang prosedur bagi tindakan pemulihan Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa semasa terjadi nahas pesawat.
4. Merancang dan menjalankan latihan tahunan kemalangan Pesawat dan Mencari dan Menyelamat.
5. Merancang dan menjalankan kursus-kursus Kecemasan Lapangan Terbang dan Mencari dan Menyelamat.
6. Bertanggungjawab atas Penyeliaan dan pemeliharaan Pusat Mencari dan Menyelamat.
7. Menolong Bahagian Operesen dalam perkara-perkara penyiasatan kemalangan atau kejadian ke atas pesawat penerbangan.
8. Menolong dalam menjalankan kerja '*proficiency checks*' ke atas Pegawai-Pegawai yang Menguasai Lalulintas Udara termasuk perkara-perkara melesen pegawai.



9. Menyediakan Laporan Tahunan aktiviti-aktiviti perkhidmatan mencari dan menyelamatkan serta kecemasan penerbangan dan lapangan terbang.
10. Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian atau Jabatan mengikut kelayakan dan pengalaman pegawai.